


Bahagian A**[30 markah]****[Masa dicadangkan : 45 minit]**

Gambar rajah di bawah menunjukkan persediaan-persediaan yang diperlukan oleh seseorang sebelum memasuki alam pekerjaan.

Huraikan pendapat anda tentang persediaan-persediaan yang diperlukan oleh seseorang sebelum memasuki alam pekerjaan. Panjang huraian hendaklah antara 200 hingga 250 patah perkataan.



Bahagian B

[100 markah]

[*Masa yang dicadangkan : 1 jam 30 minit*]

Pilih satu daripada soalan di bawah dan tulis sebuah karangan yang panjangnya lebih daripada 350 patah perkataan.

1. Terdapat sebilangan murid, ibu bapa dan masyarakat hanya mementingkan pencapaian akademik dengan meminggirkan aktiviti kokurikulum di sekolah.

Sebagai seorang murid, hurlaikan pendapat anda untuk menyakinkan semua pihak bahawa kegiatan kokurikulum banyak faedahnya kepada murid-murid dan tidak wajar diketepikan di sekolah.

2. Belakangan ini telah berlaku kenaikan harga barang keperluan pengguna. Setiap kali berlaku kenaikan harga barang, para peniaga akan mengaut keuntungan manakala para pengguna akan menanggung beban.

Sebagai seorang pengguna yang bijak, jelaskan langkah-langkah yang dapat diambil oleh setiap ahli keluarga untuk menangani masalah kenaikan harga barang.

3. Semangat kejiraninan dalam kalangan masyarakat semakin luntur. Sehubungan dengan itu, anda ingin menulis rencana untuk disiarkan dalam akhbar tempatan.
Tajuk rencana tersebut ialah usaha-usaha untuk mengukuhkan semangat kejiraninan dalam kalangan masyarakat.

Tulis rencana itu selengkapnya.

4. Perkembangan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK) yang begitu pesat menyebabkan kita berasakan dunia ini semakin kecil.

Berikan komen anda akan keperluan masyarakat dunia memanfaatkan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK).

5. Membaca karya sastera seperti cerpen, novel, drama dan puisi boleh memupuk semangat cinta akan negara dalam kalangan murid.

Bincangkan.

KERTAS SOALAN TAMAT